



SIARAN MEDIA

**YB TENGKU DATO' SRI ZAFRUL TENGKU ABDUL AZIZ
MENTERI KEWANGAN**

LAPORAN LAKSANA KE-20

**PELAKSANAAN
PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI PRIHATIN RAKYAT (PRIHATIN)
& PELAN JANA SEMULA EKONOMI NEGARA (PENJANA)**

9 September 2020



PENGENALAN

1. Pada minggu ini, **Laporan LAKSANA Ke-20** akan merangkumi 3 perkara:
 - a. Status pencapaian Pakej PRIHATIN;
 - b. Status pelaksanaan PENJANA; dan
 - c. Ulasan isu semasa.

PRIHATIN (Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat)

2. Di bawah PRIHATIN, inisiatif adalah terbahagi kepada tiga teras utama iaitu:
 - a. Melindungi Rakyat;
 - b. Menyokong Perniagaan; dan
 - c. Memperkukuhkan Ekonomi.

PRIHATIN MATLAMAT 1: LINDUNGI RAKYAT

3. **Skim pengeluaran i-Lestari di bawah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)** dalam mengurangkan beban serta menambah aliran tunai rakyat. Sehingga **28 Ogos 2020**, jumlah pengeluaran kumulatif di antara April sehingga Ogos 2020 adalah sebanyak **RM7.54 bilion** (peningkatan daripada RM7.48 bilion minggu lalu) dan melibatkan 4.59 juta penerima (peningkatan daripada 4.57 juta minggu lalu). Perancangan persaraan adalah penting dan orang ramai disyorkan untuk menggunakan **Khidmat Nasihat Persaraan (Retirement Advisory Service - RAS)** yang disediakan oleh pihak KWSP secara percuma untuk tujuan ini. Maklumat mengenai perkhidmatan percuma ini boleh didapati di pautan berikut: <https://www.kwsp.gov.my/ms/member/retirement-advisory-service>
4. **Kedua, diskaun bil elektrik.** Sehingga **31 Ogos 2020**, sebanyak **RM1.67 bilion** dalam bentuk diskaun ke atas bil elektrik telah diberikan kepada **sekitar 7 juta pengguna domestik**. Dari jumlah besar diskaun elektrik yang diberikan oleh TNB, 83% telah dimanfaatkan oleh pengguna domestik. Jumlah bantuan diskaun boleh dirumuskan seperti berikut:

Kategori	PRE2020 PRIHATIN & BPE (% diskaun)	Jumlah Diskaun setakat 31 Ogos 2020 (1 April - 31 Ogos 2020)		Bantuan Prihatin Elektrik Tambahan (Apr, Mei & Jun 2020)		Jumlah Diskaun Elektrik (RM)
		Jumlah Pelanggan	Jumlah Diskaun (RM)	8% untuk 601-900kWh (RM)	sehingga RM77 (RM)	1 April - 31 Ogos 2020
0-200 kWh	50%	2,402,828	126,234,265	Tidak dikenakan	1,113,130,079	Tidak dikenakan
201-300 kWh	25%	1,422,970	94,309,023	Tidak dikenakan		Tidak dikenakan
301-600 kWh	15%	2,357,473	228,370,501	Tidak dikenakan		Tidak dikenakan
601-900 kWh	10%	658,746	50,085,140	48,129,676		Tidak dikenakan
>900 kWh	2%	308,844	7,929,509	Tidak dikenakan		Tidak dikenakan
Jumlah Domestik Keseluruhan		7,150,861	506,928,437	48,129,676	1,113,130,079	1,668,188,193

Sumber: TNB, sehingga 31 Ogos 2020

PRIHATIN MATLAMAT 2: SOKONG PERNIAGAAN

5. **Pertama**, setakat 31 Ogos 2020, jumlah diskaun bil elektrik yang telah diberikan kepada **1.4 juta syarikat** dari sektor komersial adalah sebanyak **RM181.7 juta** (mewakili 17% dari jumlah diskaun elektrik keseluruhan) telah dimanfaatkan oleh sektor komersial. Jumlah bantuan diskaun boleh dirumuskan seperti berikut:

Kategori	PRE2020 PRIHATIN & BPE (% diskaun)	Jumlah Diskaun setakat 31 Ogos 2020 (1 April - 31 Ogos 2020)	
		Jumlah Pelanggan	Jumlah Diskaun (RM)
6 Sektor Komersial	15%	9,746	81,718,325
Lain-lain Komersial	2%	1,396,201	100,027,039
Jumlah Komersial Keseluruhan		1,405,947	181,745,365

Sumber: TNB, sehingga 31 Ogos 2020

6. **Kedua**, bagi **Dana Pinjaman Mudah Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) (SME Soft Loans Funds)** yang dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia (BNM), setakat 28 Ogos 2020, jumlah permohonan yang telah diluluskan oleh bank-bank tempatan dan disetujui terima oleh PKS adalah **RM10.3 billion** (peningkatan daripada RM10.2 billion minggu lalu) yang akan memberi manfaat kepada **22,440 PKS** (peningkatan daripada 22,322 PKS minggu lalu). Jumlah ini termasuk dana *Special Relief Facility* (SRF), *Automation & Digitalisation Facility* (ADF), *All-Economic Sector Facility* (AES) dan *Agrofood Facility* (AF).

Dana Pinjaman Mudah PKS	Jumlah diluluskan dan disetujui terima* (RM bilion)	Jumlah PKS*
28 Ogos	10.3	22,440
21 Ogos	10.2	22,322
14 Ogos	10.1	22,143
7 Ogos	9.9	21,759
Julai	9.6	21,410
Jun	8.4	19,539
Mei	6.9	16,833
April	1.5	3,636

*Jumlah Kumulatif

Walaupun dana SRF telah dimanfaatkan sepenuhnya, PKS masih boleh memohon skim pembiayaan yang masih tersedia melalui Tabung BNM seperti **ADF**, **AES** dan **AF**. PKS juga boleh mendapatkan pembiayaan lain melalui **platform imSME** di pautan <https://imsme.com.my/portal/bm/> yang boleh membantu dalam membuat padanan pembiayaan yang diperlukan dengan pelbagai penyedia dana untuk PKS.

PRIHATIN MATLAMAT 3: PERKUKUH EKONOMI

7. **Pertama, Moratorium Bayaran Balik Pinjaman Institusi Kewangan** yang berkuatkuasa sejak 1 April 2020 lalu, setakat 28 Ogos 2020, nilai moratorium tersebut dianggarkan berjumlah **RM81.9 bilion**. Daripada angka ini, sebanyak **RM28.6 bilion** adalah jumlah yang dimanfaatkan oleh sektor perniagaan manakala jumlah yang dimanfaatkan oleh peminjam individu bernilai **RM53.3 bilion**.
8. Sehingga **28 Ogos 2020**, pihak bank telah menghubungi lebih **2.0 juta peminjam yang merangkumi individu, PKS dan syarikat lain-lain** termasuk perniagaan korporat dan komersil bagi menawarkan bantuan pembayaran pembiayaan. Satu fakta yang memberangsangkan ialah sebanyak **732,000 peminjam** yang mengambil moratorium secara automatik **telah kembali meneruskan bayaran ansuran bulanan pinjaman** berbanding dengan 336,000 peminjam pada bulan April 2020.
9. Menjelang tamatnya moratorium secara umum pada 30 September 2020, **institusi perbankan terus bersedia untuk membantu peminjam yang masih terjejas akibat COVID-19 melalui moratorium lanjutan dan bantuan bank bersasar bermula 1 Oktober 2020**. Inisiatif ini bagi menjamin perniagaan dan isi rumah yang benar-benar memerlukan akan terus dibantu melalui akses kepada pembiayaan. Dalam pada itu, penemuan dan pembuatan vaksin COVID-19 secara komersial akan mengambil masa. Oleh sebab itu, kita perlu memastikan sistem perbankan negara kekal utuh dan kukuh untuk sentiasa bersedia dengan sebarang kemungkinan di masa hadapan.
10. Selain itu, Bank Negara Malaysia (BNM) dengan kerjasama Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dan bank-bank tempatan telah mengadakan lebih daripada 100 sesi libat urus melibatkan pihak berkepentingan serta giat mengadakan dialog bagi memastikan peralihan daripada moratorium secara automatik kepada program bantuan yang lebih bersasar dapat berjalan dengan lancar. Ini termasuk **Kempen Pelan Bayaran Balik Pinjaman (Repayment Assistance Campaign - RAC)** yang bertujuan memberi khidmat nasihat serta pelan perancangan bayaran balik pinjaman/pembiayaan pasca moratorium.

11. RAC yang telah dan akan diadakan adalah seperti berikut:

BIL.	TARIKH	LOKASI
1.	15-16 Ogos 2020	Perpustakaan Awam Kuala Terengganu, Terengganu
2.		Sabah International Convention Centre (SICC) Kota Kinabalu, Sabah
3.		Melaka International Trade Centre (MITC)
4.	15 Ogos 2020	Dewan Suarah Mukah, Sarawak
5.	22-23 Ogos 2020	Stadium Indera Mulia, Ipoh, Perak
6.	5 September 2020	Dewan Suarah Bintulu, Sarawak
7.	5-6 September 2020	World Trade Center, Kuala Lumpur
8.		Sabah International Convention Centre (SICC) Kota Kinabalu
9.	12-13 September 2020	Persada Johor International Convention Centre, Johor Bharu
10.		Hotel RARA, Bayan Lepas, Pulau Pinang
11.	13-14 September 2020	Dewan Utama Majlis Perbandaran Kuantan, Pahang
12.	15 September 2020	Dewan Kampung Jerijeh Belawai, Sibu, Sarawak

12. Kedua, bagi **program pembendungan penularan wabak COVID-19**, sebanyak RM1 bilion telah diperuntukkan bagi membiayai pembelian peralatan perubatan, peralatan perlindungan diri (PPE), dan keperluan makmal untuk saringan COVID19. Pembendungan wabak Covid 19 adalah faktor kritikal dalam pemulihan ekonomi. Setakat 28 Ogos 2020, sebanyak **RM627.1 juta** (peningkatan daripada RM515.0 juta minggu lalu) **telah disalurkan dalam usaha meningkatkan keupayaan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk memerangi COVID-19.**

RINGKASAN KESELURUHAN PENCAPAIAN PRIHATIN

13. Setakat **28 Ogos 2020**, prestasi pelaksanaan PRIHATIN adalah seperti berikut:

- bagi pemberian tunai secara *one-off* - seperti BPN, bantuan kepada pelajar IPT, pemandu e-hailing dan teksi, pesara kerajaan, dan lain-lain - yang melibatkan pembayaran sebanyak **RM14.7 bilion** dan tahap pencapaian pelaksanaan adalah pada kadar yang tinggi iaitu **94%**; dan
- bagi inisiatif yang melibatkan perlaksanaan dalam jangka masa antara 3 hingga 6 bulan pula – seperti diskaun bil elektrik, subsidi upah (asal), moratorium, e-CAP KSWP dan lain-lain – yang melibatkan nilai sebanyak **RM92.3 bilion** dan pelaksanaan adalah pada tahap **73%**.

14. Maklumat berkaitan pencapaian inisiatif-inisiatif lain dibawah PRIHATIN boleh dirujuk di [Lampiran](#) laporan ini.

PENJANA (Pelan Jana Semula Ekonomi Negara)

15. Di bawah PENJANA, inisiatif-inisiatif terbahagi kepada **tiga matlamat penting** iaitu:
- Memperkasakan Rakyat;
 - Melonjakkan Perniagaan; dan
 - Merangsang Ekonomi.

PENJANA MATLAMAT 1: MEMPERKASAKAN RAKYAT

16. **Pertama, Skim Peduli Kesihatan untuk Golongan B40 atau PEKA B40.** Melalui skim ini, Kerajaan telah memperuntukkan RM50 juta untuk menampung keperluan kesihatan golongan B40 dengan **penekanan kepada pengesanan awal terhadap penyakit tidak berjangkit (NCD)** terutama apabila usia meningkat, sekali gus mengurangkan bebanan kos rawatan kumpulan berkenaan. Golongan B40 boleh mendaftar dengan Skim PEKA B40 melalui pautan rasmi yang dikawalselia oleh KKM iaitu <https://www.pekab40.com.my/bm>. Ia dibiayai sepenuhnya Kerajaan dan menyediakan empat manfaat meliputi perkhidmatan berikut:
- Saringan kesihatan (contohnya untuk kesihatan mental dan payudara, serta ujian darah, diabetes, kolesterol, air kencing dan fungsi buah pinggang);
 - Bantuan alat perubatan;
 - Insentif rawatan kanser; dan
 - Insentif tambang pengangkutan bagi kesihatan.

Ringkasan bantuan adalah seperti berikut:

Dari 1 Julai 2020 hingga	Jumlah Tuntutan*	Nilai Bantuan* (RM juta)
31 Ogos	66,380	3.70
21 Ogos	57,456	2.56

*Jumlah kumulatif

17. **Kedua, Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan dengan peruntukan RM1.5 bilion.** Secara keseluruhan, mereka yang telah Berjaya mendapat pekerjaan adalah seperti berikut:

Tarikh setakat	Kategori Rakyat yang Mendapat Perkerjaan				Jumlah*
	< 40 tahun	40 – 60 tahun	OKU	Perantis	
28 Ogos	18,354	3,266	178**	2,818	24,616
21 Ogos	15,113	2,856	220	2,385	20,574

*Jumlah Kumulatif

**Penurunan berbanding minggu sebelumnya adalah kerana selepas penyelarasan dan analisa lanjut, sejumlah pemohon didapati bukan OKU

18. **Ketiga, Program Global Online Workforce (GLOW).** Ekonomi gig adalah segmen ekonomi yang semakin popular kebelakangan ini terutama di kalangan generasi muda. Program yang diterajui oleh Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) sudah bermula sejak 2016. Sehingga kini, ia sudah disertai hampir 53,000 orang dengan nilai pendapatan keseluruhan direkodkan lebih RM168 juta.
19. Program GLOW ini yang dilanjutkan di bawah **PENJANA** bertujuan untuk memperkenalkan peluang kerjaya bentuk baharu, dengan membimbing rakyat Malaysia secara intensif sebagai *digital freelancer* yang mampu menawarkan kepakaran serta perkhidmatan mereka ke peringkat global menerusi platform digital yang tersedia. Inisiatif GLOW-PENJANA ini bakal memanfaatkan sehingga 10,000 pekerja ekonomi gig dan mampu memberi peluang pekerjaan baharu. Sila layari <https://erezeki.my/glow>
20. **Keempat, Program Subsidi Upah PENJANA.** Sehingga 28 Ogos 2020, sebanyak **RM10.38 bilion subsidi upah** telah diluluskan yang memanfaatkan lebih **2.62 juta pekerja**.

Tarikh Laporan	Jumlah Diluluskan* (RM bilion)	Jumlah Pekerja* (juta)	Jumlah Majikan*
28 Ogos	10.383	2.620	320,440
21 Ogos	10.337	2.611	319,932
14 Ogos	9.016	2.605	319,373
7 Ogos	9.002	2.597	318,874
31 Julai	8.995	2.582	318,258
26 Jun	7.074	2.455	307,518
29 Mei	4.018	2.197	286,338
24 April	1.606	1.452	207,237

*Jumlah kumulatif

PENJANA MATLAMAT 2: MELONJAKKAN PERNIAGAAN

21. **Pertama, Pembiayaan PKS PENJANA.** Skim ini dengan dana yang diperuntukkan berjumlah **RM2 bilion akan memberi keutamaan kepada PKS yang belum pernah mendapat pinjaman** daripada bank terlibat bagi membantu PKS yang terkesan ekoran pandemik COVID-19. Sehingga 28 Ogos 2020, jumlah yang disalurkan adalah seperti berikut:

Tarikh setakat	Permohonan* diluluskan	Jumlah disalurkan* (RM juta)
28 Ogos	1,615	426.2
21 Ogos	1,172	329.5

*Jumlah kumulatif

22. **Kedua, Pembiayaan Sektor Pelancongan PENJANA** dengan jumlah peruntukan sebanyak RM1 bilion, inisiatif adalah untuk menyokong perusahaan mikro, kecil dan sederhana tempatan dalam sektor pelancongan yang terkesan COVID-19 bagi memastikan kelangsungan dan daya saing dalam norma baharu. **PKS yang layak boleh memohon pembiayaan sehingga RM300,000, manakala PKS mikro boleh memohon sehingga RM75,000 pada kadar pembiayaan sehingga 3.5% setahun bagi tempoh pembiayaan sehingga 7 tahun.** Sebanyak 12 institusi kewangan terlibat dalam skim pembiayaan ini. Butiran terperinci mengenai skim ini boleh didapati melalui laman sesawang PENJANA <https://penjana.treasury.gov.my/>.

PENJANA MATLAMAT 3: MERANGSANG EKONOMI

23. **Pertama, Sukuk PRIHATIN.** Sukuk Prihatin, membuka peluang kepada Rakyat Malaysia untuk bersama dalam usaha Kerajaan membina semula ekonomi Negara pasca Covid -19. Sukuk Prihatin adalah sukuk digital pertama di Malaysia, di mana dana yang terkumpul akan disalurkan kepada inisiatif-inisiatif seperti penambahbaikan *connectivity* di sekolah-sekolah luar bandar, sokongan kepada peniaga mikro, dan penyelidikan penyakit berjangkit.
24. Sukuk PRIHATIN ini bukan sahaja akan membantu mereka yang terjejas, malah ia memberikan **keuntungan 2% setiap tahun bagi tempoh matang 2 tahun, dengan bayaran keuntungan suku tahunan.** Pada tempoh matang, pelabur boleh memilih untuk menderma prinsipal dan mendapat potongan cukai. **Langganan boleh dibuat melalui kemudahan JomPAY dan DuitNow secara atas talian melalui laman sesawang 27 institusi perbankan. Tarikh tutup langganan adalah pada 17 September 2020.**

25. **Kedua, program ePENJANA.** Bagi merancakkan perbelanjaan dan meningkatkan kembali ekonomi Malaysia melalui inisiatif pendigitalan dan transaksi yang lebih selamat, Rakyat Malaysia yang layak boleh menebus RM50 kredit ePenjana dan akan menerima padanan insentif tambahan bernilai RM50. Inisiatif ini juga membantu pihak kesihatan awam menjalankan pengesanan kontak rapat melalui penggunaan aplikasi MySejahtera. Sehingga 28 Ogos 2020, sebanyak **RM517.9 juta** telah berjaya disalurkan kepada **10.4 juta penerima** di seluruh negara. Jumlah ini adalah bersamaan dengan **69%** tahap pencapaian. **Penerima ePENJANA dingatkan bahawa kredit di dalam e-dompet ini perlu digunakan sebelum 30 September 2020.** Selepas tarikh tersebut nilai kredit akan luput daripada akaun pengguna e-dompet tersebut.

ULASAN ISU SEMASA

26. **KAJI SELIDIK PRIHATIN:** Kerajaan kini membuka peluang kepada Rakyat untuk memberi maklum balas yang lebih menyeluruh berkenaan keberkesanan Pakej PRIHATIN melalui **Kaji Selidik PRIHATIN** di pautan berikut:

Bantuan PRIHATIN Rakyat:

Bahasa Melayu:

<https://www.laksanasurvey.org/index.php/957277?lang=ms&LS=PR34>

Bahasa Inggeris:

<https://www.laksanasurvey.org/index.php/957277?lang=en&LS=PR34>

Bantuan PRIHATIN Perniagaan:

Bahasa Melayu:

<https://www.laksanasurvey.org/index.php/322316?lang=ms&LS=PB17>

Bahasa Inggeris:

<https://www.laksanasurvey.org/index.php/322316?lang=en&LS=PB17>

Setakat ini, hampir 10,000 responden telah mengambil bahagian di dalam kaji selidik ini. Pelaksanaan kaji selidik dalam talian ini akan membantu Kerajaan dalam memperbaiki dasar sedia ada dan merumuskan inisiatif akan datang untuk manfaat semua. **Orang ramai dan perniagaan dijemput menyertai kaji selidik ini.**

27. **Jelajah Belanjawan 2021 oleh pasukan Kementerian Kewangan** di teruskan ke negeri Terengganu pada **5 - 6 September 2020**. Beberapa sesi *focus group* telah diadakan bersama industri pelancongan, kebudayaan dan kesenian yang dihadiri oleh seramai 60 wakil pemain industri, badan bukan kerajaan dan wakil agensi negeri. Selain itu, sesi *focus group* bersama industri pengeluar petroleum dan gas telah diadakan dengan penyertaan lebih 100 pemain industri, badan bukan kerajaan dan wakil agensi negeri. Sesi-sesi tersebut telah menonjolkan peranan serta sumbangan industri tersebut terhadap ekonomi Terengganu dan negara yang substantif.

28. Bagi belanjawan 2021, maklum balas daripada semua golongan masyarakat adalah amat dialu-alukan. Rakyat boleh mula mengemukakan cadangan melalui laman sesawang <http://belanjawan2021.treasury.gov.my./index.php/ms/>. **Portal tersebut akan dibuka sehingga 15 September 2020.** Sekian, terima kasih.

YB Tengku Dato' Sri Zafrul Aziz

Menteri Kewangan

Kementerian Kewangan Malaysia

9 September 2020

LAMPIRAN - PENCAPAIAN PAKEJ PRIHATIN

MATLAMAT 1: LINDUNGI RAKYAT		
1.	Elaun Khas Barisan Hadapan (Frontliners Allowance)	a. Setakat 28 Ogos 2020, sebanyak RM261.2 juta telah disalurkan berdasarkan 792,808 tuntutan yang terdiri daripada doktor, jururawat dan kakitangan perubatan lain yang terlibat secara langsung dalam pengurusan dan pembendungan wabak COVID-19. b. Elaun khas ini juga dipanjangkan kepada anggota tentera, polis, kastam, imigresen, bomba, anggota Angkatan Pertahanan Awam serta anggota RELA yang terlibat secara langsung dalam melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
2.	Bantuan Sara Hidup atau BSH	a. Seramai 4.24 juta penerima telah berjaya dikreditkan ke dalam akaun bank melibatkan bayaran RM2.76 bilion. Penerima BSH yang lulus tetapi tidak dapat dikreditkan ke dalam akaun bank boleh menuntut secara tunai di mana-mana cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN) sehingga 31 Disember 2020.
3.	Pemandu Teksi	Setakat 28 Ogos 2020, Kerajaan telah menyalurkan bantuan tunai <i>one-off</i> kepada 33,343 pemandu teksi yang berjumlah RM20 juta. <i>*Ralat: Terdapat pembetulan di dalam Laporan LAKSANA Ke-19. Jumlah 33,343 pemandu teksi yang menerima bantuan tunai merupakan jumlah penerima bagi kedua-kedua fasa. Jumlah penerima bagi fasa pertama ialah seramai 30,103 orang manakala bagi fasa kedua ialah seramai 3,240 orang.</i>
4.	Pemandu Pelancong	Sehingga 28 Ogos 2020, seramai 7,620 pemandu pelancong (peningkatan daripada 7,616 pemandu) telah menerima bantuan tunai <i>one-off</i> berjumlah RM4.57 juta .
5.	Pemandu Bas Pelancongan	Pembayaran tunai <i>one-off</i> kepada 3,104 pemandu bas pelancongan telah mula dibuat pada 22 Julai 2020. Setakat 28 Ogos 2020, seramai 2,902 pemandu bas pelancong telah menerima bantuan berjumlah RM1.74 juta .
6.	Pemandu Bas Sekolah	Sebanyak RM21 juta telah diperuntukkan bagi memberi bayaran tunai <i>one-off</i> kepada pemandu bas sekolah di seluruh negara. Pembayaran dibuat mulai 7 September 2020.

MATLAMAT 2: SOKONG PERNIAGAAN

7.	Program Bantuan Majikan COVID-19 (e-CAP) KWSP	Sehingga 28 Ogos 2020, sebanyak 68,532 permohonan (peningkatan daripada 68,157 minggu lalu) telah diterima dan daripada jumlah tersebut, 12,904 permohonan telah diluluskan bernilai RM84.2 juta (peningkatan daripada RM83.9 juta minggu lalu) bagi caruman KWSP majikan. <i>*jumlah kumulatif</i> <table><tr><th>Bantuan majikan COVID-19 (e-CAP) KSWP</th><th>Jumlah permohonan diterima*</th><th>Jumlah permohonan diluluskan*</th><th>Jumlah diluluskan* (RM juta)</th></tr><tr><td>28 Ogos</td><td>68,532</td><td>12,904</td><td>84.2</td></tr><tr><td>21 Ogos</td><td>68,157</td><td>12,840</td><td>83.9</td></tr><tr><td>14 Ogos</td><td>67,413</td><td>12,706</td><td>83.2</td></tr><tr><td>7 Ogos</td><td>66,673</td><td>12,584</td><td>82.7</td></tr><tr><td>31 Julai</td><td>65,986</td><td>12,425</td><td>82.1</td></tr><tr><td>24 Julai</td><td>65,122</td><td>12,165</td><td>80.9</td></tr><tr><td>20 Julai</td><td>64,265</td><td>11,930</td><td>79.3</td></tr><tr><td>10 Julai</td><td>58,455</td><td>11,370</td><td>76.1</td></tr><tr><td>3 Julai</td><td>37,900</td><td>10,528</td><td>70.4</td></tr><tr><td>26 Jun</td><td>36,107</td><td>9,542</td><td>63.9</td></tr><tr><td>19 Jun</td><td>34,246</td><td>8,489</td><td>56.8</td></tr><tr><td>12 Jun</td><td>31,400</td><td>7,194</td><td>47.9</td></tr><tr><td>5 Jun</td><td>29,601</td><td>6,457</td><td>42.9</td></tr><tr><td>31 Mei</td><td>26,509</td><td>5,245</td><td>34.8</td></tr><tr><td>17 Mei</td><td>20,771</td><td>3,168</td><td>20.6</td></tr><tr><td>10 Mei</td><td>13,690</td><td>2,032</td><td>13.4</td></tr></table>	Bantuan majikan COVID-19 (e-CAP) KSWP	Jumlah permohonan diterima*	Jumlah permohonan diluluskan*	Jumlah diluluskan* (RM juta)	28 Ogos	68,532	12,904	84.2	21 Ogos	68,157	12,840	83.9	14 Ogos	67,413	12,706	83.2	7 Ogos	66,673	12,584	82.7	31 Julai	65,986	12,425	82.1	24 Julai	65,122	12,165	80.9	20 Julai	64,265	11,930	79.3	10 Julai	58,455	11,370	76.1	3 Julai	37,900	10,528	70.4	26 Jun	36,107	9,542	63.9	19 Jun	34,246	8,489	56.8	12 Jun	31,400	7,194	47.9	5 Jun	29,601	6,457	42.9	31 Mei	26,509	5,245	34.8	17 Mei	20,771	3,168	20.6	10 Mei	13,690	2,032	13.4
Bantuan majikan COVID-19 (e-CAP) KSWP	Jumlah permohonan diterima*	Jumlah permohonan diluluskan*	Jumlah diluluskan* (RM juta)																																																																			
28 Ogos	68,532	12,904	84.2																																																																			
21 Ogos	68,157	12,840	83.9																																																																			
14 Ogos	67,413	12,706	83.2																																																																			
7 Ogos	66,673	12,584	82.7																																																																			
31 Julai	65,986	12,425	82.1																																																																			
24 Julai	65,122	12,165	80.9																																																																			
20 Julai	64,265	11,930	79.3																																																																			
10 Julai	58,455	11,370	76.1																																																																			
3 Julai	37,900	10,528	70.4																																																																			
26 Jun	36,107	9,542	63.9																																																																			
19 Jun	34,246	8,489	56.8																																																																			
12 Jun	31,400	7,194	47.9																																																																			
5 Jun	29,601	6,457	42.9																																																																			
31 Mei	26,509	5,245	34.8																																																																			
17 Mei	20,771	3,168	20.6																																																																			
10 Mei	13,690	2,032	13.4																																																																			
8.	Skim Kredit Mikro BSN	Setakat 28 Ogos 2020, pembayaran telah dibuat kepada 10,538 PKS (peningkatan daripada 10,234 penerima minggu lepas) melibatkan jumlah sebanyak RM356.98 juta (peningkatan daripada RM348.94 juta minggu lepas).																																																																				
9.	Program TEKUN	Setakat 28 Ogos 2020, pembayaran telah dibuat kepada 25,218 PKS (peningkatan daripada 25,088 penerima minggu lepas) melibatkan jumlah sebanyak RM190.3 juta (peningkatan daripada RM189.1 juta minggu lepas).																																																																				